

Karisma dua sultan untuk teraju negara



PADA 13 Disember lalu, Sultan Muhammad V melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15. Pada usia 47 tahun Seri Paduka merupakan sultan termuda dalam kalangan Raja-Raja Melayu ketika ini.

Dalam melaksanakan tugasnya, Seri Paduka akan dibantu oleh timbalannya, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, 60. Walaupun mereka daripada generasi berbeza, masing-masing terkenal dengan karisma kepimpinan yang tersendiri. Gambar Tuanku Muhammad V berkopiah, berjubah dan bercapal untuk solat di masjid di Kota Bharu, Kelantan pernah menjadi viral suatu ketika dahulu. Sehingga hari ini, gambar itu masih mendapat ranking tinggi carian di Google.

Titah-titah bernas Sultan Nazrin pula sentiasa mendapat perhatian media massa baik tempatan mahupun antarabangsa meskipun baginda berucap dalam acara di



TUANKU Muhammad V (kanan), Sultan Nazrin Shah dan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah selepas Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara baru-baru ini.

eksekutif pemerintahan negara.

Perlantikan Sultan Nazrin juga dilihat Chandra sebagai 'melengkapkan' gandingan ini. Sultan Nazrin sememangnya diketahui umum mengambil berat tentang pemeliharaan amanah dan integriti golongan pemerintah.

Terbaharu, Sultan Nazrin

kemudiannya meneruskan pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) dalam Ekonomi Politik dan Kerajaan.

Baginda turut menerima ijazah kehormatan sebagai Honorary Fellow yang dianugerahkan oleh Worcester College, Oxford pada Oktober 2013.



TUANKU Muhammad V seorang yang prihatin dan dekat di hati rakyat.

Pertuan Agong ke-15.

Mengulas mengenai Sultan Nazrin, Shamrahayu berkata, kebijaksanaan baginda menampilkan sejarah negara dan sifat-sifat negara dalam pembentukan Tanah Melayu terbukti dalam banyak titah-titah baginda. "Pengetahuan baginda berkaitan hal

negerinya, Perak Darul Ridzuan. Penganalisis politik, **Dr. Chandra Muzaffar** berpendapat, perlantikan gandingan ini adalah tepat dan sesuai dengan keadaan semasa.

“Yang di-Pertuan Agong dekat dengan rakyat jelata serta Timbalan Yang di-Pertuan Agong prihatin terhadap nilai integriti dan sifat amanah para pemimpin amat tepat pada waktunya,” ulas Chandra.

Dengan populasi besar golongan muda di negara ini, Chandra berkata, kedua-duanya mampu memahami perasaan dan aspirasi anak-anak muda hari ini.

Nasihat

“Seri Paduka Tuanku Muhammad V rapat dengan rakyat dan suka bergaul dengan rakyat. Seri Paduka selalu ke masjid dan adakalanya mengimamkan solat. Soal agama amat dekat di hati Seri Paduka. Beliau menjadikan Seri Paduka dekat di hati rakyat di peringkat akar umbi,” jelas Chandra.

Dalam keadaan masyarakat yang terhimpit dengan isu seperti peningkatan kos sara hidup, Chandra berkata, luahan rakyat yang dilihat sendiri Tuanku boleh disampaikan melalui nasihat kepada badan

menyebarkan rasaimbang baginda terhadap gejala rasuah dan pecah amanah secara terbuka oleh golongan berjawatan dan berpendidikan tinggi.

Baginda bertitah demikian pada majlis sambutan Maulidur Rasul 1438H peringkat negeri Perak pada 12 Disember, sehari sebelum dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Satu lagi perkara menarik tentang Tuanku Muhammad V dan Sultan Nazrin ialah latar belakang pendidikan mereka. Tuanku Muhammad V dan Sultan Nazrin mendapat pendidikan tinggi di Universiti Oxford. Tamat pengajian di Kolej St. Cross dan Centre for Islamic Studies di Oxford, manakala Tuanku Muhammad V meneruskan pengajian di Deutsche Stiftung Entwicking, Berlin dan seterusnya di European Business School di London.

Selepas menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Falsafah, Politik dan Ekonomi di Oxford, manakala Sultan Nazrin meneruskan pengajian di Universiti Harvard. Baginda dianugerah ijazah sarjana dalam pentadbiran awam dan

Pengalaman

Kepada **Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abdul Aziz**, kebolehpayaan intelektual Tuanku Muhammad V dan Sultan Nazrin adalah satu kelebihan dalam memperhalusi isu-isu semasa.

“Dalam keadaan hari ini, ketua negara memang memerlukan asas pendidikan yang tinggi untuk membuat keputusan yang bijaksana,” kata Felo Utama Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia itu.

Seri Paduka mempunyai pengalaman sebagai Tengku Mahkota Kelantan dan sebagai Pemangku Raja yang mentadbir negeri. Tuanku Muhammad V dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan pada tahun 2010. Setahun sebelum itu Seri Paduka dilantik sebagai Pemangku Raja. Lebih awal daripada itu, Seri Paduka dilantik sebagai waris berhak dengan gelaran Tengku Mahkota pada Mac 1979 dan kemudiannya ditabal pada Oktober 1985.

Sejak tahun 2011, Seri Paduka memikul tugas sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 sehingga dipilih menjadi Yang di-

ketatanegaraan, sejarah, sistem perundangan, kehakiman, hak asasi manusia, ekonomi dan penyatuan bangsa merangkumi segala aspek pentadbiran negara membuktikan baginda amat mengetahui sistem pentadbiran negara.

“Corak fikir baginda seumpama kombinasi global dan tempatan dan kombinasi generasi muda dan tua, menjadikan baginda pemerintah yang disegani,” ulas beliau.

Chandra dan Shamrahayu yakin bahawa gandingan kedua-duanya mampu membawa negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

Chandra amat ingin melihat melalui gandingan ini sesuatu dilakukan melalui nasihat dan teguran terhadap isu-isu yang melanda negara.

Tambah Chandra, sistem raja berperlembagaan yang diamalkan negara sejak merdeka memberikan ruang kepada Seri Paduka dan Sultan Nazrin untuk bertindak sesuai dengan peruntukan kuasa yang tertera dalam perlembagaan negara.

Shamrahayu pula berharap institusi raja boleh menjadi wadah penting dalam keadaan politik semasa demi masa depan rakyat dan negara. - Bernama



CHANDRA



SHAMRAHAYU